

# Badan silat Asean: Nama baru diusul

20 JUN 1979

SEBUAH Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PPSA) dijangka akan dibentuk sebagai ganti kepada rancangan penubuhan Federasi Pencak Silat Asean (FPSA) yang telah lama diura-urakan.

Penubuhan PPSA bertujuan untuk membolehkan penglibatan dan penyertaan yang lebih meluas dalam seni itu, dari setakat negara-negara Asean saja.

Usul menukar nama dan peranan persekutuan ini telah dibuat oleh Malaysia semasa rombongan empat pegawai dari Singapura mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan wakil-wakil persatuan seni silat di sana, dari 14 hingga 18 Jun lepas.

Demikian diumumkan oleh Anggota Parlimen Kolam Ayer yang juga Timbalan Presiden Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi), Encik Sidek Saniff, dalam satu temuramah khas dengan Berita Harian sekembalinya dari Kuala Lumpur kemarin.

Encik Sidek telah mengetuai rombongan Singapura ke sana untuk bertemu dan berbincang dengan wakil-wakil persatuan serupa itu di Malaysia dalam usaha mengadakan kerjasama di bidang seni silat dan sepaktakraw.

## Terlibat

Lain-lain anggota rombongan ialah Encik Mansor Haji Sukaimi, Anggota Parlimen Kampong Kembangan yang juga Timbalan Presiden Perses, seorang pegawai Perses, Encik Daud Siron dan pegawai Persisi, Encik Ariff Zahari.

"Dengan menamakan semula persekutuan itu kepada PPSA, ia akan membolehkan Brunei dan lain-lain negara yang ada kegiatan seni silat di dalamnya, menyertai kegiatan-kegiatan yang dianjurkan," kata Encik Sidek.



ENCIK Sidek Saniff (kiri) bersama Encik Mansor Haji Sukaimi setiba mereka dari Kuala Lumpur kemarin. — Gambar oleh Rawi Ahmad.

Oleh MOHD. MAIDIN

Encik Sidek menarik perhatian bahawa rancangan penubuhan PPSA ini akan dibawa ke meja perbincangan bila negara-negara yang terlibat dalam Pesta Sukan Asia Tenggara di Jakarta bertemu pada September nanti.

Menurut Encik Sidek, ketiga-tiga pihak (Indonesia, Malaysia dan Singapura) telah ber-setuju untuk mengun-

tukkan beberapa hari bagi membincangkan terus perkara PPSA ini dengan lebih mendalam.

20 JUN 1979  
Berjaya

Dalam lawatan ke Malaysia itu yang antara lain bertujuan membincangkan tentang beberapa hal mengenai seni silat di rantau ini, kata Encik Sidek, mereka telah mengadakan pertemuan dengan beberapa orang pegawai kanan dari kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan Malaysia.

Encik Sidek mensifatkan lawatan mereka itu sebagai satu lawatan yang berjaya kerana meneruskannya, berbagai rancangan bersama dalam seni silat dan sepaktakraw telah dapat disetujui, umpamanya rancangan pertandingan di peringkat antarabangsa, Asean dan antara kedua negara.

(Laporan lanjut mengenai lain-lain kejayaan pertemuan dan perbincangan rombongan itu akan dilaporkan menurut kepentingannya dari hari ke hari).